

Enam tahun jadi hamba seks bapa saudara

KUALA TERENGGANU: Seorang kanak-kanak perempuan berusia 12 tahun terpaksa menanggung derita selama enam tahun apabila dia dijadikan tempat untuk memuaskan nafsu bapa saudaranya berhati binatang.

Perbuatan terkutuk bapa saudara berusia 56 tahun yang juga pegawai Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (Rela) itu dilakukan di beberapa lokasi termasuk di taman permainan kanak-kanak.

Menurut sumber, bagi mengelak perbuatannya dihidu, suspek yang tinggal di sebuah kampung di Seberang Takir, di sini, dikatakan bijak menggunakan helah dengan membawa mangsa bersiar-siar setiap hujung minggu sebelum mengambil kesempatan merogolnya.

Mangsa trauma dengan perbuatan lelaki itu terpaksa memendam rasa apabila



Doktor mengesahkan ada kesan koyak pada alat sulit kanak-kanak terbabit"

>Sumber

diugut merahsiakan perbuatan berkenaan menyebabkan bapa saudara berpangkat pegawai itu semakin 'selesa' melakukan perbuatan terkutuk terbabit.

Bagaimanapun, rahsia lelaki itu yang sepatutnya menjadi pelindung kepada kanak-kanak terbongkar selepas mangsa mengadu sakit di bahagian kemaluan kepada

ibunya, Jumaat lalu, sebelum dibawa ke Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) untuk pemeriksaan.

Sumber berkata, hasil pemeriksaan doktor mengesahkan ada kesan koyak pada alat sulit kanak-kanak itu.

Ibu mangsa yang terkejut dengan hasil pemeriksaan doktor itu kemudian mendapatkan penjelasan daripada anaknya yang menceritakan segala perbuatan keji bapa saudaranya itu sejak enam tahun lalu.

Berikutan pengakuan kanak-kanak terbabit, ibu mangsa membuat laporan di Balai Polis Kuala Terengganu pada Khamis lalu.

Polis memberkas warga emas itu di kediamannya di Seberang Takir, kira-kira jam 11 pagi, Jumaat lalu.

Pemangku Ketua Jabatan Siasatan Jenayah negeri, Superintendan K Manoharan, mengesahkan kejadian itu.